



## SIARAN AKHBAR

### KAJI SELIDIK RANGKUMAN KEWANGAN DARI SEGI PERMINTAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 2025 DILANJUTKAN SEHINGGA 30 APRIL 2025

---

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin memaklumkan orang ramai mengenai pelanjutan tempoh pengendalian Kaji Selidik Rangkuman Kewangan Dari Segi Permintaan Negara Brunei Darussalam 2025 hingga 30 April 2025.
2. BDCB telah melantik Universiti Teknologi Brunei (UTB) untuk menjalankan Kaji Selidik Rangkuman Kewangan Dari Segi Permintaan Negara Brunei Darussalam 2025. Kaji selidik ini bertujuan untuk mengukur tahap rangkuman kewangan di Negara Brunei Darussalam, mengenal pasti sebarang jurang dan halangan, dan meningkatkan lagi akses kepada produk dan perkhidmatan kewangan yang tersedia di negara ini.
3. Kaji selidik ini akan melibatkan seramai 2,600 individu dari seluruh negara untuk mewakili pelbagai lapisan penduduk. Temu bual akan dijalankan secara bersemuka dan akan mengambil masa tidak melebihi satu jam. Sila ambil maklum bahawa soalan-soalan hanya akan ditumpukan kepada tingkah laku, akses, keutamaan, dan keperluan kewangan individu dan isi rumah. Pihak BDCB dan pihak UTB ingin memberi jaminan kepada peserta kaji selidik bahawa sebarang maklumat yang dikumpul akan dirahsiakan dan digunakan untuk tujuan kaji selidik ini sahaja.
4. Pengumpul data yang dilantik oleh UTB akan menghubungi individu-individu yang telah dipilih untuk menjadualkan temu janji bagi menjalankan sesi temu bual serta membantu melengkapkan soal selidik. Orang ramai dinasihatkan untuk mengesahkan identiti pengumpul data dengan meminta pas kerja mereka yang dikeluarkan oleh UTB. Jika para peserta mempunyai sebarang keraguan atau kebimbangan, sila hubungi UTB secara langsung:  
  
Telefon : +673 2461020/1/2/3 (Waktu bekerja)  
Wakil Perhubungan : Professor Kamariah Ismail / Dr Fahmi Ibrahim  
Emel : [fincsurvey@utb.edu.bn](mailto:fincsurvey@utb.edu.bn)
5. Sokongan dan kerjasama para peserta dalam menjayakan kaji selidik ini adalah sangat dihargai dan akan memberikan sumbangan yang bermakna ke arah meningkatkan rangkuman kewangan di Negara Brunei Darussalam.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 25 Ramadhan 1446H/ 26 March 2025M

Rujukan: BDCB/COMMS/3